

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH  
(IPOH TIMUR)**

**TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 9**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah caj yang dikutip hasil daripada permohonan dan kelulusan cermin gelap pada tahun 2019. Apakah kriteria yang dipertimbangkan dalam pemberian kelulusan tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mensyaratkan bagi setiap permohonan cermin gelap yang dikemukakan di atas faktor keselamatan, akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak RM50 bagi setiap permohonan. Manakala setiap permohonan yang diluluskan pula akan dikenakan fi sebanyak RM5,000. Setiap kelulusan yang diberikan adalah untuk tempoh selama dua (2) tahun sahaja. Individu yang telah diluluskan bagi penggunaan cermin gelap hendaklah memohon semula apabila tempoh sah laku tamat dan akan dikenakan fi yang sama dalam setiap permohonannya.
2. Untuk permohonan atas faktor kesihatan pula, pemohon dikecualikan daripada bayaran fi perkhidmatan dan juga fi kelulusan. Pemohon perlu mematuhi syarat serta kehendak yang diperakukan oleh doktor pakar hospital kerajaan atau doktor pakar hospital swasta yang diperakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

## NO. SOALAN : 9

3. Hasil kutipan fi bayaran bagi permohonan penggunaan cermin gelap sehingga November 2019 ini adalah sebanyak RM1,165,000 dengan jumlah permohonan sebanyak 413 yang merangkupi faktor keselamatan dan faktor kesihatan serta orang-orang yang dikecualikan daripada pemakaian Kaedah 11 1(a), Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Penggunaan Kaca atau Bahan Lutsinar Lain) (Pindaan) 2019. Pengecualian ini juga terpakai bagi kenderaan yang didaftarkan atas nama orang-orang yang dinyatakan pada perkara 6.6(a) selagi mana orang-orang dinyatakan masih memegang jawatan tersebut.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, syarat permohonan penggunaan cermin gelap atas faktor keselamatan adalah seperti berikut:

- i. Permohonan kenderaan milikan persendirian individu / persendirian syarikat.
- ii. Pemohon dan pemilik kenderaan tidak mempunyai apa-apa kes yang belum selesai dengan JPJ dan PDRM berhubung dengan apa-apa pelanggaran Akta APJ, ALPKP dan APAD.
- iii. Pemohon juga perlu mengisi borang pengisytiharan yang mana tidak pernah terlibat atau melakukan kes-kes jenayah yang akan dilakukan semakan silang oleh pihak JPJ dengan PDRM sebelum sesuatu kelulusan diberikan.

Sekian, terima kasih.